



Pelaksanaan Penawaran Kursus Dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)

Seksyen Pendaftaran dan Rekod Pelajar (SPRP) adalah salah satu fungsi utama di Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA), bertanggungjawab untuk menyelaraskan penawaran kursus sekolah bagi setiap semester.

Pelaksanaan Penawaran Kursus dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) bermula pada tahun 2007. Sebelum itu, penawaran kursus dilaksanakan menggunakan Sistem Maklumat Pelajar Universiti (SMPU).

Pelaksanaan penawaran kursus dalam SMP dan SMPU adalah berbeza dari segi pengguna yang mengakses sistem tersebut. Penawaran kursus menggunakan SMPU hanya dihadkan kepada seksyen pendaftaran dan rekod pelajar yang akan memasukkan penawaran kursus melalui borang Akad P-20 yang diberikan oleh sekolah kepada BPA. Manakala SMP pula, Timbalan Dekan Sekolah, Penolong Pendaftar serta orang yang dipertanggungjawab dalam penawaran kursus dibenarkan membuat penawaran kursus dalam sistem.

Penawaran kursus dalam SMP dapat membantu pihak SPRP menyediakan data lebih awal bagi tujuan penjadualan kuliah dan juga penjadualan peperiksaan.

Penawaran kursus dalam SMP akan dibuat oleh Sekolah/Pusat/Institut pada minggu ke-4 sehingga minggu ke-6 pengkuliah. Ini adalah disebabkan pada minggu ke-7 mesyuarat penyelarasan penawaran bersama dengan Sekolah/Pusat/Institut akan diadakan yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Pihak Sekolah/Pusat/Institut haruslah memasukkan maklumat-maklumat dalam SMP seperti kursus yang akan ditawarkan pada semester hadapan kepada pelajar mengikut tahun, seksyen kursus tersebut, bilangan pelajar yang akan mengambil kursus berkenaan serta kategori kursus. Contohnya kursus tersebut dikategorikan sebagai minor, teras program, teras sekolah ataupun elektif.

Pada minggu ke-9 pengkuliah, mesyuarat pengesahan penawaran kursus akan diadakan bagi mengesahkan kursus-kursus yang akan ditawarkan pada semester hadapan. Pra-pendaftaran pula akan dibuka pada minggu ke-10 dan ke-11. Senarai kursus yang ditawarkan pada setiap semester akan dibawa kepada Senat untuk pengesahan.

